

## Niaga!

niagakosmo@mediamulia.com.my

# UMW Grantt perkenal gris gred makanan boleh dibiodegrasi

**KUALA LUMPUR** – Anak syarikat milik penuh Kumpulan UMW dan pengeluar minyak pelincir jenama Grantt, UMW Grantt International Sdn. Bhd. (UMW Grantt) memperkenalkan Gris Gred Makanan Pelbagai Guna Boleh Dibiodegrasi Grantt pada Pameran & Persidangan Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko Malaysia (IGEM) 2023.

Pelancarannya disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Datuk Seri Huang Tiong Sii.

Gris tersebut merupakan produk pertama seumpamanya yang dikomersialkan di negara ini, dibangunkan menerusi kerjasama UMW Grantt dan UMW Innovation and R&D Centre Sdn. Bhd. bersama **Universiti Malaysia Pahang Al Sultan Abdullah** dan **MNR Multitech Sdn. Bhd.**

Ia diedarkan dalam pembungkusan 400 gram dan disasarkan untuk kegunaan industri di mana terdapat risiko sentuhan dengan makanan seperti dalam sektor makanan dan minuman (F&B), pertanian, farmaseutikal serta kosmetik.

Gris Gred Makanan Pelbagai Guna Boleh Dibiodegrasi Grantt memenuhi pelbagai piawaian antarabangsa seperti DIN S1825, OECD 301B serta OECD 201,202



**TIONG SII** (empat dari kanan) bersama Anas Nasrin (tiga dari kanan) pada majlis pelancaran produk gris gred makanan boleh dibiodegrasi pada IGEM 2023 di Kuala Lumpur semalam.

dan 203, selain mendapat pensijilan MyHijau serta Good Manufacturing Practice (GMP).

Produk berkenaan yang dihasilkan di kilang baharu syarikat di Pulau Indah, Klang juga sedang dalam proses untuk mendapat pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, UMW Holdings Bhd., Datuk Seri Ahmad Puaad Kenali berkata, Kumpulan UMW memiliki lebih 60 tahun pengalaman dalam industri pelincir.



**PRODUK** baharu keluaran UMW Grantt yang disasarkan untuk kegunaan industri seperti F&B, pertanian, farmaseutikal dan kosmetik.

"Tahun lepas, Grantt Lubricants telah menceburi bidang produk hijau dengan pelancaran Minyak Hidraulik Grantt Bio VG (VG 46 dan VG 68), dipacu oleh permintaan yang semakin meningkat bagi minyak pelincir yang lebih mampan untuk alam sekitar.

"Ini merupakan produk hijau kedua oleh Grantt Lubricants dan kami akan terus berinovasi dalam memenuhi keperluan pasaran serta membangunkan produk mesra alam yang memberi impak minimum kepada alam sekitar," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kumpulan Bahagian Pembuatan dan Kejuruteraan UMW, Anas Nasrin Mohd. Osman berkata, produk berkenaan turut disasarkan untuk menembusi pasaran ASEAN dan antarabangsa.

"Sebagai pemain baharu dalam gris gred makanan boleh dibiodegrasi, buat permulaan kami akan mengedarkan produk ini kepada pihak industri sebagai pengenalan dan untuk mendapatkan respons balas.

"Kami juga sedang dalam proses untuk mendapatkan sijil gred makanan National Sanitation Foundation daripada Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan Amerika Syarikat dalam usaha untuk memasarkan produk ini ke pasaran yang lebih luas," ujarnya.